

5,750 kampil beras percuma setiap minggu untuk B40

Inisiatif di bawah Program MyBeras@Wilayah pastikan individu layak tak tercicir

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Nasaruddin Parzi bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan sebanyak 5,750 kampil beras akan diberikan secara percuma setiap minggu kepada penduduk dari kumpulan keluarga B40 di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, mulai semalam.

Perdana Menteri berkata, pemberian itu dilaksanakan di bawah Program MyBeras@Wilayah, inisiatif terbaru Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan.

Katanya, inisiatif itu usaha terkini Kementerian Wilayah Persekutuan yang kini melipatgandakan usaha meneliti semula sasaran penerima bantuan bagi mengelak individu layak daripada tercicir kerana pada masa ini bantuan lebih banyak diberi kepada penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan perumahan awam.

"Namun, dalam proses pengagihan, perlu kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP)

tertentu yang ditetapkan bagi mengelak dijangkiti COVID-19," katanya berucap melancarkan Program Kemiskinan Bandar (5MY) Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 yang dilancarkan secara dalam talian, malam tadi.

Pelancaran itu disiarkan melalui saluran rasmi televisyen dan media sosial kerajaan.

Program MyBeras@Wilayah adalah tambahan kepada inisiatif 5MY yang dilaksana Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menangani isu kos sara hidup, kelangsungan hidup rakyat dan membasmu kemiskinan di Wilayah Persekutuan.

Lima lagi inisiatif itu adalah MYJobs@Wilayah, MYGrocer@Wilayah, MYSchoolBus@Wilayah, MYMedic@Wilayah dan MYFood@Wilayah.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana proaktif dalam melengkapkan inisiatif kerajaan dengan melaksanakan program rangkaian keselamatan sosial di Wilayah Persekutuan.

Katanya, perkara itu konsisten dengan penegasan Kabinet supaya segala inisiatif kebajikan rakyat mesti dilaksanakan segera.

"Saya juga mengucapkan tahniah kepada agensi kementerian iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan di atas inisiatif murni ini," katanya.

Muhyiddin berkata, beliau

dimaklumkan pada tahun lalu, lebih 35,000 orang dan ketua isi rumah serta 331 perumahan kos rendah di Kuala Lumpur menerima bantuan langsung melalui 5MY.

Katanya, berdasarkan tinjauan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Pendapatan Garis Kemiskinan atau PGK Nasional meningkat kepada RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah.


Ini bermakna, lebih 400,000 isi rumah berpendapatan kurang daripada PGK ini tergolong dalam kategori miskin.

"Sehingga 31 Disember 2020, statistik data Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merekodkan 6,805 orang hilang kerja pada Disember lalu. Dari segi pencari kerja, seramai 53, 869 orang direkodkan berbanding lebih 170, 000 kekosongan jawatan.

"Dalam usaha menangani masalah ini, saya difahamkan Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Program MyJob@Wilayah menyediakan sehingga 3,259 pekerjaan di ibu kota iaitu 28 peratus lebih tinggi daripada sasaran asal.

"Inisiatif pengambilan pekerjaan membabitkan pelbagai sektor dan industri. Melalui inisiatif MySchoolBus@Wilayah pula, bantuan diberi kepada 9,704 murid di 67 kawasan perumahan awam kos rendah membabitkan 94 pengendali bas sekolah.

"MYMedic@Wilayah pula adalah perkhidmatan klinik bergerak yang menyediakan



Muhyiddin berucap sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 yang dilancarkan secara dalam talian, malam tadi. (Foto ihsan RTM)

perkhidmatan rawatan kesihatan asas percuma kepada warga kota kurang berkemampuan di perumahan kos rendah di Kuala Lumpur, manakala MYGrocer@Wilayah pula inisiatif berkonsepkan pasar bergerak ke kawasan perumahan kos rendah melalui jualan barang basar dan keperluan harian pada harga lima hingga 20 peratus lebih murah daripada di pasar awam.

"Sehingga kini, trak MyGrocer bergerak ke 30 lokasi perumahan awam dan PPR di Kuala Lumpur," katanya.

Program MYFood@Wilayah pula berkonsepkan bantuan baki makanan berisi keperluan harian kepada golongan miskin bandar dan kini memanfaatkan 32,000 ketua isi rumah di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan berusaha meringankan beban kos sara hidup rakyat dengan menyediakan program perlindungan sosial yang komprehensif untuk memastikan golongan rentan dan berpendapatan rendah tidak tertinggal daripada arus pembangunan negara.

Beliau berkata, susulan itu, menerusi Belanjawan 2021 kerajaan memberi tumpuan khusus kepada inisiatif membantu rak-

yat terjejas pandemik COVID-19.

Katanya, beliau sedar realiti kesulitan rakyat yang bertungkus lumus membina semula dan meneruskan kehidupan.

"Sama ada bujang, berkeluarga, golongan kelas menengah, petugas barisan hadapan, pelajar dan mahasiswa serta seluruh lapisan masyarakat, saban hari kerajaan mengikuti keadaan yang berlaku bagi memastikan ikhtiar bantuan dapat disampaikan kepada golongan sasaran," katanya.

Muhyiddin berkata, selain itu, untuk membuktikan kerajaan tidak berkompromi memastikan kesejahteraan rakyat, inisiatif Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dilancarkan pada 18 Januari lalu.

"Kerajaan Perikatan Nasional akan terus komited melaksanakan visi Malaysia sebagai negara mampan, adil, saksama dan inklusif, sekali gus meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu.

"Di Wilayah Persekutuan dan di seluruh negara, kita perlu meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa, sama seperti dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030," katanya.